

NO SOALAN :34

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN WONG LING BIU
(SARIKEI)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 23.03.2017

Y.B. TUAN WONG LING BIU [SARIKEI] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan selepas penurunan nilai Ringgit Malaysia dan pelaksanaan GST serta kenaikan harga minyak mentah dan kos sara hidup, adakah Kementerian mempertimbangkan menetapkan harga tertinggi kepada runcit bagi RON95 dan diesel.

JAWAPAN

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

- 1) Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan telah melaksanakan penetapan harga runcit petrol RON95 dan diesel berdasarkan harga pasaran dunia mengguna pakai formula *Automatic*

Pricing Mechnism (APM) mulai 1 Disember 2014. Langkah ini selaras dengan kaedah yang sama diguna pakai bagi penetapan harga runcit RON97 yang dilaksanakan terlebih dahulu sejak Julai 2010. Kaedah tersebut telah terbukti berjaya menstabilkan harga pasaran runcit produk petroleum dalam negara. Justeru, buat masa ini Kerajaan akan terus mengguna pakai kaedah tersebut dalam menetapkan harga runcit produk petroleum di negara ini.

- 2) Berhubung cadangan menetapkan harga siling bagi produk petroleum di stesen minyak, ia masih lagi di peringkat kajian dan penelitian lanjut oleh Kerajaan dengan penglibatan secara langsung oleh agensi-agensi yang berkenaan seperti Kementerian Kewangan dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan.